**WA-25-96-02/2026**

Encl No. 1

H0272101 WA13261105595 28/02/2026 17:10:24
WA-25-96-02/2026
TSP109........................160.00 x 1
Jumlah RM***********************160.00

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**
**(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)**
**PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO. /2026**

Sila serahkan permohonan ini kepada Jabatan Peguam Negara dan failkan Afidavit Penyampaian 3 hari sebelum tarikh bicara. [A.53,k3(3)]

Bicara @ Y.A. Hakim
Dato' Amarjeet Singh A/L Serjit Singh
Aras 3 Sayap Kanan KMKL (M44)
**31-MAR-2026 9:00 AM**

**Dalam perkara kegagalan dan/atau peninggalan Responden-Responden untuk mematuhi komitmennya untuk 50% liputan hutan di seluruh tanah Malaysia serta untuk mencegah dan/atau mengambil sebarang tindakan yang perlu untuk mencegah kadar penebangan hutan yang diunjurkan dalam Laporan Pakar**

**Dan**

**Dalam Perkara Artikel 5, 8 & 91 Perlembagaan Persekutuan**

**Dan**

**Dalam Perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**

**Dan**

**Dalam Perkara Seksyen 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di dalamnya**

**ANTARA**

1. **LIM HOOI SEAN**
2. **SITTI FATIMAH BINTI ABD SAMAT**
3. **WINONA ELISHA JEMAK ANAK RAYMOND**
4. **LEE YU DONG**
5. **ADOM TEH KAI YANG**
6. **AMIRA ALIYA BINTI ABD AZIZ**

**...PEMOHON-PEMOHON**

**DAN**

1. **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**
2. **KERAJAAN MALAYSIA**

**...RESPONDEN-RESPONDEN**

---

## PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN

---

**AMBIL PERHATIAN** bahawa Mahkamah akan mengusulkan pada haribulan **31-MAR-2026 9:00 AM** ,2026 pukul pagi/petang oleh Peguam untuk Pemohon-Pemohon yang dinamakan di atas kebenaran untuk memohon relif yang berikut:-

S/N e64Hlef6tUqwSkLi49AJ9g
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

1. Satu deklarasi bahawa hak untuk hidup Pemohon-Pemohon seperti yang termaktub di Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan, yang juga merangkumi hak kepada persekitaran yang selamat, bersih, sihat, bebas pencemaran dan/atau lestari, telah dilanggar akibat keengganan dan/atau peninggalan Responden-Responden untuk menangani kadar penebangan hutan semasa di Malaysia;

2. Satu deklarasi bahawa hak kesaksamaan Pemohon-Pemohon seperti yang termaktub di Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan telah dilanggar akibat keengganan dan/atau peninggalan Responden-Responden untuk menangani kadar penebangan hutan semasa di Malaysia;

3. Satu deklarasi bahawa keengganan dan/atau peninggalan Responden-Responden untuk menangani kadar penebangan hutan semasa di Malaysia merupakan pelanggaran jangkaan sah Pemohon-Pemohon;

4. Satu deklarasi bahawa bahawa keengganan dan/atau peninggalan Responden-Responden untuk menangani keadaan penebangan hutan semasa di Malaysia merupakan pelanggaran Doktrin Amanah Awam (Public Trust Doctrine);

5. Satu perintah *mandamus* untuk mengarahkan Responden-Responden untuk mengambil semua tindakan yang diperlukan dalam kuasa mereka, termasuk dalam Majlis Tanah Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, untuk menangani kadar penebangan hutan agar Malaysia mencapai 50% liputan hutan selaras dengan metodologi pengiraan liputan hutan dalam laporan pakar bertajuk "*50% Forest Cover: Assessing Malaysia's Compliance with Forest-Climate Commitments*" bertarikh February 2026 yang dikemukakan dalam Afidavit Pakar Pemohon-Pemohon Affidavit yang diikrarkan pada

26.02.2026 ("**Laporan Pakar**"), di mana Pemohon-Pemohon hendaklah dikemas kini berkenaan kemajuan tindakan-tindakan tersebut dalam 3 peringkat, iaitu 90 hari dari tarikh Perintah ini, 180 hari dari tarikh Perintah ini dan 270 hari dari tarikh Perintah ini;

6. Satu perintah *mandamus* untuk mengarahkan Responden-Responden untuk mempertimbangkan, berbincang dan mengambil kira dapatan-dapatan Laporan Pakar tersebut dalam merangka mana-mana dasarnya untuk menangani penebangan hutan di Malaysia, termasuk dalam Majlis Tanah Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, yang mana Pemohon-Pemohon hendaklah dikemas kini tentang kemajuan kesemua perkara di atas dalam 3 peringkat, iaitu 90 hari dari tarikh Perintah ini, 180 hari dari tarikh Perintah ini dan 270 hari dari tarikh Perintah ini;

7. Kebebasan memfailkan semula; dan

8. Segala relif-relif selanjutnya sebagaimana yang difikirkan adil dan saksama oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Alasan yang menyokong permohonan ini adalah yang dipaparkan dalam Penyataan yang diajukan bersama ini.

Afidavit **LIM HOOI SEAN**, Pemohon Pertama yang dinamakan di atas yang diikrarkan pada 27.02.2026 dan Afidavit Pakar Pemohon-Pemohon yang diikrarkan oleh **ADAM FARHAN BIN SALMAAN HUSSAIN** pada 26.02.2026 difailkan di sini hendaklah dibaca untuk menyokong permohonan ini.

Bertarikh pada 28 Februari 2026.

FATEN NURADILLA BINTI JAMIL
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

......................................

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

**Permohonan Semakan Kehakiman** ini difailkan oleh Tetuan Lim Wei Jiet, peguamcara bagi Pemohon-Pemohon yang dinamakan di atas dengan suatu alamat untuk penyampaian di Suite 8.01A, Tingkat 8, Wisma E&C, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

[Ref: LWJ.2026.018]
[Tel No: 03-2732 8226 Fax No: 03-2732 8227]

# TERJEMAHAN

*************

# TRANSLATION

S/N e64Hlef6tUqwSkLi49AJ9g
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR**
**(APPELLATE AND SPECIAL POWERS DIVISION)**
**APPLICATION FOR JUDICIAL REVIEW NO. /2026**

**In the matter of the Respondents' failure and/or omission to comply with its commitments for 50% forest cover over Malaysia's land mass as well as to prevent and/or to take any necessary actions to prevent the projected deforestation rates as elaborated in the Expert Report**

**And**

**In the Matter of Articles 5, 8 & 91 of the Federal Constitution**

**And**

**In the Matter of Order 53 Rules of Court 2012**

**And**

**In the Matter of Section 25 Courts of Judicature Act 1964 and paragraph 1 of Schedule therein**

**BETWEEN**

1. **LIM HOOI SEAN**
2. **SITTI FATIMAH BINTI ABD SAMAT**
3. **WINONA ELISHA JEMAK ANAK RAYMOND**
4. **LEE YU DONG**
5. **ADOM TEH KAI YANG**
6. **AMIRA ALIYA BINTI ABD AZIZ**

**...APPLICANTS**

**AND**

1. **MINISTER OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY**
2. **GOVERNMENT OF MALAYSIA**

**...RESPONDENTS**

---

## APPLICATION FOR JUDICIAL REVIEW

---

**TAKE NOTICE** that the Court will be moved moved on , the day of , 2026 by the Applicants abovenamed for leave to proceed with the following reliefs:

S/N e64HIef6tUqwSkLi49AJ9g
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

1. A declaration that the Applicants' right to life as guaranteed by Article 5(1) of the Federal Constitution, which also encompasses the right to a safe, clean, healthy, pollution-free and/or sustainable environment, have been breached as a result of the Respondents' refusal and/or omission to address the current rate of deforestation in Malaysia;

2. A declaration that the Applicants' right to equality as guaranteed by Article 8(1) of the Federal Constitution have been breached as a result of the Respondents' refusal and/or omission to address the current rate of deforestation in Malaysia;

3. A declaration that the Respondents' refusal and/or omission to address the current rate of deforestation in Malaysia amounts to a breach of the Applicants' legitimate expectation;

4. A declaration that the Respondents' refusal and/or omission to address the current state of deforestation in Malaysia amounts to a breach of the Public Trust Doctrine;

5. A *mandamus* order directing the Respondents to take all necessary action within their powers, including in the National Land Council established under Article 91 of the Federal Constitution, to address the rate of deforestation in order for Malaysia to achieve 50% forest cover consistent with the methodology of calculating forest cover in the expert report titled "*50% Forest Cover: Assessing Malaysia's Compliance with Forest-Climate Commitments*" in February 2026 which is produced in the Affidavit of the Applicants' Expert affirmed on 26.02.2026 ("**Expert Report**"), whereby the Applicants are to be updated on the progress of the said actions in 3 stages, namely 90 days from the date of this Order, 180 days from the date of this Order and 270 days from the date of this Order;

6. A *mandamus* order directing the Respondents to consider, deliberate and to take into account the findings of the Expert Report in formulating any of its policies to address deforestation in Malaysia, including in the National Land Council established under Article 91 of the Federal Constitution, whereby the Applicants are to be updated on the progress of the same in 3 stages, namely 90 days from the date of this Order, 180 days from the date of this Order and 270 days from the date of this Order;

7. Liberty to file afresh; and

8. Any further reliefs which this Honourable Court deems fair & just.

The grounds in support of this application are those appearing in the Statement filed herewith.

The affidavit of **LIM HOOI SEAN**, the 1st Applicant abovenamed, which has been affirmed on 27.02.2026 and the affidavit of the Applicants' Expert affirmd by **ADAM FARHAN BIN SALMAAN HUSSAIN** on 26.02.2026, and filed herein shall be read in support of this application.

Dated this 2026.

……………………………………

Senior Assistant Registrar
High Court of Malaya
Kuala Lumpur

This **Application For Judicial Review** is filed by Messrs Lim Wei Jiet, solicitors for the Applicants with an address for service at Suit 8.01A, Level 8, Wisma E&C, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

[Ref: LWJ.2026.018]

[Tel. No. : 03-2732 8226 Fax No: 03-2732 8227]

S/N e64HIef6tUqwSkLi49AJ9g
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal